

Parti Komponen BN Disaran Letak Lebih Ramai Calon Muda Pada PRU-13
Bernama
2 Ogos, 2012

KUALA LUMPUR, 2 Ogos (Bernama) -- Pengerusi Pemuda Barisan Nasional (BN) Khairy Jamaluddin mencadangkan presiden parti-parti komponen BN memberi ruang kepada calon pergerakan Pemuda masing-masing untuk bertanding pada pilihan raya umum ke-13 (PRU-13) nanti.

Langkah itu dapat memantapkan serta memberi kesegaran kepada imej parti kerana orang muda mungkin mempunyai kelebihan tersendiri, katanya.

"Saya hanya dapat suarakan bagi pihak Umno dan sampaikan senarai kepada presiden (Datuk Seri Najib Tun Razak), tapi rakan komponen lain saya harap presiden mereka akan senaraikan kepada pengerusi BN iaitu Perdana Menteri," kata Ketua Pemuda Umno itu.

Beliau berkata demikian dalam sidang media selepas mengadakan pertemuan dengan Anggota Majlis Tertinggi Pergerakan Pemuda MIC Kebangsaan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini Khamis. Turut hadir Pengerusi Pemuda MIC T Mohan dan timbalannya V Mugil.

Mengenai pertemuan itu, Khairy berkata ia antara lain bertujuan membincangkan mengenai persiapan PRU-13 terutamanya dalam mendapatkan sokongan masyarakat India khususnya pengundi atas pagar.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=685186>

